

Pembelajaran Seni Halus di TADIKA: Pengetahuan & Amalan Guru di TADIKA

Fine Art Learning in Kindergarten: Teachers' Knowledge and Practices

Mohamad Albaree Abdul^{1*}, Fairuz 'Ain Harun², Iylia Mohamad³
Muhammad Faiz Sabri⁴

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia^{1,2&3}
Department of Art & Design Education
Universiti Teknologi Mara, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, Malaysia⁴

albaree@fpm.upsi.edu.my¹, fairuz_ain@fpm.upsi.edu.my², iylia@fpm.upsi.edu.my³
faizsabri@uitm.edu.my⁴

*Corresponding Author

Diterima: 24 Februari 2025; **Disemak semula:** 24 Julai 2025; **Diterima:** 29 Julai 2025; **Diterbitkan:** 29 Julai 2025

To cite this article (APA): Abdul, M. A., Harun, F. 'Ain, Mohamad, I., & Sabri, M. F. (2025). Pembelajaran Seni Halus di TADIKA: Pengetahuan & Amalan Guru di TADIKA. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 51-63. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.4.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.4.2025>

ABSTRAK

Usia muda kanak-kanak adalah usia yang sesuai bagi pembentukan pelbagai kemahiran terutamanya dalam melakukan aktiviti *hands-on* seperti aktiviti seni halus. Pembelajaran seni halus dianggap pembelajaran yang merentasi pembelajaran lain. Perkembangan yang boleh didapati melalui aktiviti seni halus adalah peningkatan kognitif, sosio-emosi dan fizikal. Pengetahuan guru yang baik terhadap seni halus dapat memberi impak positif kepada kanak-kanak. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara eksploratori bagi meneroka pengetahuan dan amalan guru terhadap pembelajaran seni halus di TADIKA. Seramai tiga orang guru TADIKA swasta di Selangor telah dipilih melalui persampelan bertujuan berdasarkan kelayakan dan pengalaman dalam pendidikan awal kanak-kanak. Data dikumpulkan melalui temu bual berstruktur secara dalam talian, yang menumpukan kepada kefahaman guru mengenai kandungan seni halus serta pelaksanaan aktiviti di dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga guru terlibat mempunyai pengalaman melaksanakan aktiviti seni halus bersama kanak-kanak, namun pengetahuan mereka tentang seni halus masih bersifat asas dan tidak menyeluruh. Kajian ini mencadangkan agar latihan, bimbingan dan panduan pengajaran seni halus yang lebih sistematik disediakan kepada guru untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan menyokong perkembangan kreatif kanak-kanak secara optimum.

Kata kunci: seni halus, pengetahuan, amalan, pendidikan awal kanak-kanak

ABSTRACT

Early childhood is an ideal stage for developing various skills, particularly through hands-on activities such as fine arts. Fine arts learning is considered a form of cross-curricular learning. Development that can be achieved through fine arts activities includes cognitive, socio-emotional, and physical growth. A teacher's strong knowledge of fine arts can have a positive impact on children. This study employed a qualitative exploratory approach to examine teachers' knowledge and practices regarding fine arts education in preschools. Three preschool teachers from private kindergartens in Selangor were selected through purposive sampling based on their qualifications and experience in early childhood education. Data were collected through structured online interviews, focusing on teachers' understanding of fine arts content and the implementation of related activities in the classroom. The findings revealed that all three teachers had experience conducting fine arts activities with children, but their knowledge of fine arts

remained basic and not comprehensive. The study recommends that more systematic training, guidance, and teaching resources in fine arts be provided to teachers to enhance the effectiveness of learning and support children's creative development optimally.

Keywords: *fine art, knowledge, practice, early childhood education*

PENGENALAN

Pembelajaran seni halus adalah pembelajaran yang sinonim dengan kanak-kanak dan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan holistik mereka. Kanak-kanak telah didedahkan dengan aktiviti seni sejak dari awal usia mereka lebih-lebih lagi apabila mereka sudah mula bersekolah, aktiviti seni sudah menjadi kelaziman dan berfokus (Nevanen et al., 2014). Pelaksanaan pembelajaran di peringkat pembelajaran awal kanak-kanak mempunyai tekanan akademik yang lebih rendah berbanding usia selepasnya selain dari sifat mereka yang aktif dan suka bermain (Huang et al., 2024). Peringkat ini merupakan tempoh yang sesuai untuk kanak-kanak dapat mempelajari pelbagai bidang pendidikan, salah satunya adalah seni halus (Ningsih, 2024). Aktiviti seni halus seperti melukis, mewarna, membuat arca dan aktiviti cetakan pada kertas bukan sahaja memupuk imaginasi yang baik malah membina kemahiran asas yang lain seperti koordinasi motor, berfikir kreatif dan kritikal serta mengetahui cara dalam menguruskan emosi (Lai, 2000). Pembelajaran seni halus juga penting dalam membentuk kreativiti dan ekspresi diri yang menyumbang kepada perkembangan keperibadian kanak-kanak. Penguasaan kemahiran dalam aktiviti seni halus memberikan banyak impak kepada kanak-kanak dalam kehidupan masa hadapan kerana berperanan sebagai medium penyelesaian masalah dan menghadapi cabaran (Biber et al., 2022). Kemahiran kreativiti merupakan antara kemahiran penting abad ke-21. Justeru itu, kanak-kanak perlu dilengkapi dengan kemahiran ini melalui aktiviti seni halus yang dibimbing oleh guru yang berpengetahuan. Peranan guru dalam membimbing kanak-kanak amat penting kerana pengetahuan dan kefahaman guru terhadap kandungan seni memberi pengaruh kepada kemenjadian kanak-kanak. Namun begitu, guru masih diberi kebebasan dalam melaksanakan pengajaran asalkan konsep asas seni menjadi fokus utama.

SOROTAN LITERATUR

Pendidikan seni halus diakui oleh rata-rata pendidik sebagai komponen penting dalam perkembangan kanak-kanak, kerana ia menggalakkan kreativiti, ekspresi diri dan kemahiran asas yang diperlukan untuk pembelajaran sepanjang hayat. Menurut Eisner (2002; Wright, 2007), penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti seni halus seperti melukis, mewarna dan catan bukan sahaja menyokong pertumbuhan kognitif dan emosi malah mengukuhkan keupayaan mereka dalam berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain. Penyelidikan ke atas guru menguatkan lagi bahawa pengetahuan dan pemahaman guru TADIKa tentang seni halus secara langsung memberi kesan kepada pengalaman seni yang bermakna untuk kanak-kanak (McArdle & Wright, 2014). Guru yang mempunyai asas yang kukuh dalam pendidikan seni halus dilihat lebih bersedia dalam proses meningkatkan kreativiti, memupuk keyakinan diri dan memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak (Donahue & Stuart, 2024).

Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan dan keyakinan guru TADIKa dalam pendidikan seni halus agak membimbangkan. Kajian Yeboah dan Godomey (2024) mendedahkan bahawa ramai guru pendidikan awal kanak-kanak berasa tidak bersedia untuk mengajar seni halus dengan menunjukkan pengetahuan yang terhad dan sering mengutamakan hasil karya berbanding proses seni yang boleh menghalang perkembangan kreatif kanak-kanak. Guru sering menyatakan kurang

didedahkan dengan teknik seni, bahan, atau kaedah untuk mengintegrasikan seni halus ke dalam kurikulum (Coffia, 2023; Parsons, 2009; Bresler & Davidson, 1995). Akibatnya, aktiviti seni halus kadangkala dipandang rendah dan banyak diabaikan (Lindsay, 2021; Leung, 2018). Jurang dalam pengetahuan ini bukan sahaja membatasi akses kanak-kanak kepada pengalaman seni berkualiti tinggi tetapi juga menjejaskan potensi seni halus sebagai salah satu alat perkembangan yang penting. Tambahan pula, Yatim et al., (2020) menyatakana bahawa kelemahan guru-guru dari dalam kemampuan mengajar adalah berkait rapat dengan pengetahuan guru-guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran. Mempertingkatkan program latihan guru dalam pendidikan seni halus yang komprehensif boleh membantu menangani masalah ini (Zhang, 2019).

Guru menyedari hakikat bahawa kualiti pengajaran akan memberi pengaruh yang besar pada reka bentuk dan pembangunan kreatif artistik (Duh & Logar, 2016), namun guru pendidikan seni mempunyai kekangan dan cabaran tersendiri dalam mengekalkan kualiti pengajaran tersebut. Winner et al. (2013) telah membuktikan bahawa, program yang menyediakan guru dengan pengalaman seni dan strategi dalam mengintegrasikan seni merentas kurikulum dapat meningkatkan amalan pengajaran yang baik. Proses pembelajaran seni halus bukan sahaja melihat bagaimana guru mendapatkan ilmu pengetahuan, tetapi melihat bagaimana ilmu pengetahuan tersebut diaplikasi terhadap kanak-kanak. Jika pelajar tidak belajar dengan cara kita mengajar kita harus mengajar cara mereka belajar (Coffia, 2023).

Kelebihan pembelajaran seni halus kanak-kanak

Seni merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dalam hampir setiap saat dalam kehidupan seseorang (Ozturk & Ozturk, 2023). Aktiviti seni halus wujud seiring dengan aktiviti harian yang dijalankan oleh manusia. Pengkaji-pengkaji lampau banyak menyediakan bukti empirikal mengenai kesan positif integrasi seni halus ke dalam sistem pendidikan (Khadija et al., 2024). Namun, aktiviti seni halus tidak diiktiraf sebagai komponen penting dalam pendidikan walaupun telah ramai pengkaji percaya bahawa seni memberi banyak kelebihan terutama kepada kanak-kanak dan menjadikan mereka sebagai insan yang berpengetahuan luas (Sheridan et al., 2022; Conway 2019). Kajian ini mengupas tiga kelebihan utama bagi kanak-kanak yang menguasai konsep pembelajaran seni halus iaitu peningkatan dalam kemahiran kognitif, kemahiran sosio-emosi dan kemahiran fizikal.

a) Kemahiran kognitif

Seni halus berupaya meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan memupuk pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan (Tubbsam et al., 2024). Melalui aktiviti seni halus seperti melukis, mewarna atau membina arca, kanak-kanak digalakkan untuk merancang tindakan mereka, bereksperimen dengan bahan dan membuat keputusan tentang ciptaan mereka. Proses ini merangsang kemahiran berfikir aras tinggi, seperti analisis, sintesis, dan penilaian (Yang & Heong, 2024). Menurut Winner et al. (2013), aktiviti seni halus melibatkan pelbagai bahagian otak, menggalakkan perkembangan sambungan saraf yang menyokong pemikiran kreatif dan logik. Sebagai contoh, apabila kanak-kanak mula mencampurkan warna untuk mencapai warna yang diinginkan atau meluahkan imaginasi bentuk yang difikir ketika aktiviti kolaj, mereka telah mengamalkan pemikiran abstrak dan belajar untuk menjangka hasil.

Selain itu, seni halus memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengembangkan perhatian, tumpuan dan ingatan (Winner et al., 2020). Projek seni halus kebiasaannya memerlukan kanak-kanak mengikuti urutan atau langkah, yang memerlukan kanak-kanak menguatkan ingatan dan belajar kemahiran pengurusan. Sebagai contoh, mengingat urutan langkah dalam projek

pembinaan model arca atau mengingat kembali corak dalam aktiviti cetakan sekaligus membina kapasiti kognitif kanak-kanak untuk mengurus tugas yang kompleks ketika itu. Melibatkan diri dalam seni halus juga memberi manfaat dalam menumpukan perhatian pada matlamat. Kanak-kanak yang mampu mengawal fokus mereka menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam bidang pembelajaran lain (Ray & Smith, 2010). Dengan menyepadukan kreativiti dengan pemikiran berstruktur, seni halus bukan sahaja meningkatkan proses kognitif tetapi juga memupuk keupayaan kanak-kanak untuk mendekati cabaran dengan inovasi dan daya tahan yang tinggi.

b) Kemahiran sosio-emosi

Pengaruh aktiviti seni halus memainkan peranan penting dalam memupuk perkembangan sosial-emosi kanak-kanak (Botirov et al., 2021) dengan menyediakan saluran yang selamat dan ekspresif untuk perasaan dan pemikiran mereka. Penglibatan diri dalam aktiviti seni membantu kanak-kanak memahami dan menyampaikan emosi yang mungkin belum dikenal pasti dalam usia mereka (KhairEddeen et al., 2023). Sebagai contoh, seorang kanak-kanak yang melukis langit yang bergelora mungkin meluahkan perasaan marah atau kecewa, manakala melukis muka yang tersenyum mungkin mencerminkan kegembiraan atau kepuasan. Bentuk ekspresi diri ini menggalakkan kesedaran emosi, membantu kanak-kanak mengurus emosi mereka secara membina (Qiqi & Waijitragum, 2024). Selain itu, aktiviti seni halus mampu meningkatkan keyakinan diri dan harga diri, kerana penghasilan sesebuah karya membuatkan kanak-kanak berasa berjaya dan bangga dengan hasil kerja mereka. Pengalaman emosi yang positif ini menyumbang kepada rasa kesejahteraan dan daya tahan mereka (Zautra et al., 2010).

Pada peringkat sosial, aktiviti seni boleh menggalakkan kerjasama, empati dan kemahiran interpersonal (Coskun et al., 2019). Projek seni berkumpulan, seperti mewarna mural atau membina model arca mengajar kanak-kanak cara bekerjasama, bergilir-gilir dan menghormati idea orang lain. Perbincangan ketika melakukan aktiviti seni halus juga boleh membantu kanak-kanak mengembangkan empati, sambil mereka belajar menghargai pelbagai perspektif dan memahami emosi di sebalik ciptaan rakan sebaya mereka. Tambahan pula, berkongsi karya seni mereka dengan orang lain membina hubungan sosial dan menggalakkan interaksi yang positif. Dengan cara ini, seni halus bukan sahaja mengukuhkan kecerdasan emosi kanak-kanak tetapi juga memupuk semangat kemasyarakatan dan kekitaan dalam persekitaran sosial (Sabol, 2011).

c) Kemahiran fizikal

Aktiviti seni halus menyumbang kepada perkembangan fizikal kanak-kanak, terutamanya dalam memperhalusi kemahiran motor halus (Zahro et al., 2024; Astawa et al., 2020). Tugas seperti memegang berus cat, memotong dengan gunting, membentuk tanah liat, atau mewarna dalam garisan lukisan memerlukan pergerakan tangan yang tepat di mana ianya dapat membantu menguatkan otot-otot kecil di tangan dan jari mereka. Aktiviti ini meningkatkan koordinasi tangan-mata, ketangkasan, dan kawalan. Kemahiran ini penting sebagai persediaan kanak-kanak untuk menulis, mengikat tali kasut, atau menggunakan sesebuah peralatan. Sebagai contoh, apabila kanak-kanak berlatih melukis atau menjalin manik, mereka meningkatkan keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas secara terperinci dan teliti yang akan menjadi kemahiran asas untuk aktiviti motor yang lebih kompleks pada masa hadapan.

Menurut Azizah dan Wathon (2022), dengan melakukan aktiviti seni halus, kemahiran motor halus kanak-kanak dipertingkatkan kerana kanak-kanak secara tidak langsung menggunakan jari jemari mereka untuk menyiapkan hasil karya yang unik. Latihan daripada aktiviti tersebut dapat menguatkan lagi pergerakan otot kanak-kanak. Hasil kajian Andin (2024) pula menunjukkan bahawa aktiviti bermain *playdough* memberikan kesan positif kepada

perkembangan motor halus kanak-kanak. Oleh yang demikian penggunaan *playdough* boleh diperluaskan sebagai salah satu aktiviti dalam pembelajaran seni halus ke atas kanak-kanak.

Selain kemahiran motor halus, aktiviti seni halus turut menyokong perkembangan motor kasar. Pergerakan yang lebih dalam projek seni berskala besar, seperti melukis dan mewarna mural akan menggalakkan kanak-kanak menggunakan anggota lengan, bahu dan badan mereka. Aktiviti ini membantu meningkatkan keseimbangan, kekuatan dan kesedaran spatial semasa kanak-kanak bergerak di sekitar ruang kerja mereka dan melibatkan seluruh badan mereka dalam proses kreatif. Dengan menggabungkan pergerakan fizikal dengan kreativiti, seni halus menyokong pendekatan menyeluruh terhadap pertumbuhan fizikal, memastikan kanak-kanak mengembangkan kedua-dua kekuatan dan koordinasi yang diperlukan untuk tugas harian dan aktiviti rekreasi.

Pengetahuan guru dalam kandungan seni halus

Aktiviti seni halus memberi kanak-kanak peluang dalam mengenali unsur-unsur seni dan elemen seni seperti warna, bentuk, tekstur, ruang dan kontras (Biber et al, 2022, Butina, 1997, Didek, 1982). Untuk menjadi guru seni halus yang berkualiti, asas yang kukuh dalam kedua-dua unsur dan elemen seni pendidikan adalah penting. Namun, penemuan kajian dari Leung et al., 2024; Wang et al., 2019 menunjukkan bahawa guru TADIKa secara amnya menunjukkan prestasi yang baik dari segi pengetahuan kandungan pedagogi mereka, tetapi mereka kekurangan pengetahuan kandungan seni halus dan menghadapi cabaran dalam pengajaran mereka. Nor et al., (2019) pula menganalisis bahawa guru menguasai kawalan kelas secara optimum, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar namun kurang mendapat pendedahan seperti latihan atau kursus perkembangan profesional berkaitan amalan atau pedagogi seni. Hal ini menunjukkan bahawa kualiti guru dalam pengajaran seni halus masih tidak berada pada tahap yang memuaskan.

Kualiti guru yang baik perlu mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang kandungan seni (Saif, 2023), termasuk lukisan, lukisan, arca, dan media campuran, serta kebolehan untuk menyesuaikan teknik ini agar sesuai dengan peringkat perkembangan kanak-kanak mereka. Pengetahuan tentang teori dan sejarah seni halus juga perlu, kerana membolehkan guru menyediakan konteks dan memberi inspirasi kreativiti dalam pengajaran mereka. Selain itu, guru seni halus perlu mahir dalam menunjukkan teknik dan membimbing kanak-kanak dalam meneroka ekspresi artistik mereka sendiri, membantu mereka mengembangkan kemahiran teknikal dan keyakinan terhadap kebolehan mereka (Saif, 2023). Hasil gabungan pengetahuan artistik dengan kemahiran pedagogi, guru seni halus boleh memupuk pengalaman pembelajaran yang kaya sebagai inspirasi kepada kanak-kanak dalam meneroka dan mengembangkan potensi kreatif mereka.

Amalan pengajaran seni halus

Kaedah pengajaran pendidikan seni halus boleh mempengaruhi kreativiti dan pemikiran kritis kanak-kanak (Kadija et al., 2024). Walaupun guru mengetahui kepentingan amalan pengajaran seni halus dalam pendidikan awal kanak-kanak, namun guru sering menyatakan kekurangan keyakinan terhadap keupayaan mereka untuk mengajar seni halus dengan berkesan (Garvis, 2012; Lindsay (2021). Mc Ardle (2016) percaya bahawa keupayaan guru dibentuk dari pengalaman dan pengetahuan mereka dalam dalam pembelajaran tersebut. Justeru itu, guru perlu mengambil inisiatif dalam menangani hal ini.

Mengajar seni halus kepada kanak-kanak memerlukan keseimbangan struktur, kreativiti dan kebolehsuaian. Amalan ini melibatkan pemupukan persekitaran yang selamat dan menggalakkan di mana kanak-kanak berasa bebas untuk meneroka naluri artistik mereka. Pendidik harus memperkenalkan teknik asas seni seperti teori warna, gubahan dan kemahiran asas melukis atau mencatat sambil memberi ruang untuk eksperimen dan ekspresi diri (Andriatno et al., 2024). Menggunakan bahan dan tahap kandungan pengajaran yang sesuai dengan peringkat umur memastikan kanak-kanak boleh melibatkan diri secara optimum di dalam aktiviti seni halus.

Selain itu, mengajar seni halus kepada kanak-kanak harus menekankan proses berbanding produk akhir (McLennan, 2010). Guru boleh menimbulkan rangsangan ingin tahu dengan mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai bentuk seni, gaya dan pengaruh budaya, mewujudkan konteks yang kaya bagi pertumbuhan kreativiti mereka. Akhir sekali, peranan guru seni halus adalah untuk memupuk kecerdasan emosi, kesabaran, dan ketekunan, penghargaan sepanjang hayat untuk kreativiti dan ekspresi diri.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Meneroka pengetahuan asas guru dalam kandungan pembelajaran seni halus di TADIKA.
2. Meneroka amalan guru dalam pelaksanaan pembelajaran seni halus di TADIKA.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk eksploratori bertujuan untuk meneroka secara mendalam pengetahuan dan amalan guru TADIKA terhadap pembelajaran seni halus. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk memahami pengalaman subjek kajian dalam konteks semula jadi serta membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran holistik berkaitan topik yang dikaji. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui temu bual berstruktur secara dalam talian menggunakan platform digital iaitu *Google Meet*. Kaedah ini dipilih kerana ia lebih fleksibel serta tidak mengganggu waktu pengajaran guru yang terlibat, memandangkan mereka bekerja sepenuh masa dengan kanak-kanak prasekolah.

Pemilihan peserta kajian menggunakan persampelan bertujuan, di mana tiga orang guru TADIKA swasta di daerah Gombak, Selangor dipilih berdasarkan kriteria seperti memiliki minimum Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam pengajaran prasekolah. Kesemua peserta adalah guru aktif yang sedang mengajar di TADIKA dan terlibat dalam pelaksanaan aktiviti seni halus. Instrumen kajian terdiri daripada 12 soalan terbuka berstruktur yang dibangunkan berdasarkan literatur terdahulu dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pendidikan Seni. Soalan temu bual bertujuan mendapatkan maklumat tentang pengetahuan asas guru berkaitan seni halus, kaedah pelaksanaan aktiviti, dan cabaran dalam pengajaran seni halus.

Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik secara induktif berpandukan pendekatan Braun dan Clarke (2006). Proses analisis dijalankan dalam enam fasa utama:

1. Pembacaan menyeluruh transkrip temu bual untuk memperoleh pemahaman awal,
2. Penjanaan kod awal berdasarkan makna yang berulang,
3. Pengelompokan kod kepada tema awal,
4. Semakan dan penyemakan semula tema agar konsisten dan sah,
5. Penamaan tema dengan maksud yang tepat,
6. Penghasilan laporan dapatan berdasarkan tema akhir yang dikenal pasti.

Bagi memastikan kebolehpercayaan dan ketekalan data, penyelidik melibatkan dua orang penyelidik bebas untuk menyemak kesahihan kod dan tema melalui kaedah triangulasi penyelidik. Selain itu, nota lapangan dan rekod audio juga digunakan untuk menyokong interpretasi data secara menyeluruh dan memastikan keutuhan analisis.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan maklumat ringkas mengenai responden dan latar belakang pengalaman mengajar kanak-kanak dalam seni halus di TADIKA. Penglibatan guru dalam kajian ini meliputi tiga orang guru TADIKA yang bekerja di sekitar daerah Gombak, Selangor. Guru A, B, C berumur diantara 29-33 tahun. Pengalaman guru-guru pula dipilih berdasarkan pengalaman sekurang-kurangnya minimum 5 tahun dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Jadual 1:

Maklumat ringkas responden

Bil	Responden	Umur	Lokasi	Kelayakan	Pengalaman
1	Guru A	31	Batu Caves	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	8 tahun
2	Guru B	33	Ulu Kelang	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak	9 tahun
3	Guru C	29	Selayang	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	5 tahun

Dapatan Objektif 1: Meneroka pengetahuan asas guru dalam kandungan pembelajaran seni halus

Pengertian tentang seni halus dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak oleh responden adalah melakukan aktiviti melukis, mewarna dan arca. Guru A, B dan C pernah melakukan aktiviti seni halus lukisan manakala guru A pula mempunyai aktiviti tambahan seperti catan dan kolaj dan Guru B melakukan aktiviti seni halus arca.

Guru A: *“Jika mengikut kefahaman saya, saya memang banyak melakukan aktiviti seni halus. Seni halus ini adalah aktiviti yang kanak-kanak akan menggunakan pensel warna, warna air, gam, kertas dan gunting.”*

Guru B: *“Buat aktiviti seni macam melukis dan mewarna. Saya buat origami dan pernah buat haiwan-haiwan menggunakan tanah liat.”*

Guru C: *“Untuk kanak-kanak seni yang melukis-lukis, mewarna, buat kraf macam tanglung, sampul duit raya.”*

Kesemua responden tidak pernah menerima latihan dalam seni halus. Guru A mempunyai ilmu asas tentang seni halus sewaktu pengajian diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak dahulu. Manakala Guru B menambah pengetahuan mengenai seni halus menerusi rangkaian internet dan Guru C pula pernah cuba memahami seni halus dengan mendengar perkongsian dari pelukis tetapi gagal memahami secara mendalam.

Guru A: *“Saya tidak pernah belajar seni halus secara lebih mendalam, hanya pernah belajar melalui silibus di kolej saya sebab saya ambil jurusan awal kanak-kanak dan memang ada subjek yang berkaitan seni. Cuma yang lebih mendalam tu tiada la sebab saya rasa tidak perlu lagi untuk tahap kanak-kanak ini.”*

Guru B: *“Belum pernah, saya hanya rujuk internet jika tiada idea nak buat aktiviti seni.”*

Guru C: *“Saya pernah hadir satu perkongsian seorang pelukis di Kuala Lumpur, saya rasa fahaman seni die jauh. Saya bukan orang background seni, jadi saya tidak berapa faham. Untuk latihan seni halus belum pernah lagi. Saya juga pernah mengikuti lawatan pergi ke Faber Castel. Dapat la tengok pembuatan alat tulis dan hasil lukisan kanak-kanak. Di situ saya belajar bahawa seni lukis ni sangat berkait dengan kreativiti kanak-kanak.”*

Merujuk kepada orang yang lebih arif dalam sesuatu bidang seperti pakar seni halus sememangnya dapat membantu guru dalam meningkatkan kefahaman terhadap kandungan seni halus. Jelas menunjukkan Guru A, B dan C tidak pernah merujuk kepada mana-mana pakar seni halus dalam peningkatan ilmu pengetahuan seni halus terhadap diri mereka. Guru A mempunyai inisiatif dengan cara meminta bantuan dari guru yang mempunyai pengalaman lebih dari dirinya.

Guru A: *“Erm, guru-guru di sini juga ada yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari saya, maksudnya dari tempat lain sebelum sini. Jika ada yang saya tidak faham, saya hanya rujuk mereka sahaja. Jika bertanya pada pakar seni tidak pernah. Jika rujukan internet itu. Saya ada la rujuk juga, kadang-kadang nak bagi menarik sikit.”*

Guru B: *“Belum pernah lagi, pernah nak tanya tapi tidak tahu nak refer siapa sebab belum pernah ada hubungi atau kawan yang betul-betul dalam bidang seni.”*

Guru C: *“Tidak pernah.”*

Secara keseluruhan, ketiga-tiga responden mempunyai pengalaman melaksanakan aktiviti seni halus bersama kanak-kanak, namun pengertian mereka terhadap konsep seni halus masih terhad kepada aktiviti asas seperti melukis, mewarna, membuat kolaj dan kraf. Tiada seorang pun guru yang menerima latihan formal dalam bidang seni halus, dan pengetahuan sedia ada hanya diperoleh secara tidak formal seperti melalui silibus umum, pencarian maklumat dalam talian, serta pengalaman mengajar. Tambahan pula, tiada guru yang pernah merujuk kepada pakar seni halus secara langsung bagi memperkukuh pemahaman mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman guru terhadap kandungan seni halus masih bersifat permukaan dan tidak disokong oleh latihan atau bimbingan pakar yang khusus. Hal ini memberi implikasi terhadap keperluan sokongan profesional dan pembangunan panduan khusus bagi meningkatkan penguasaan guru dalam pendidikan seni halus di peringkat prasekolah.

Dapatan Objektif 2: Meneroka amalan guru dalam pelaksanaan pembelajaran seni halus

Guru A, B dan C mempunyai cara yang tersendiri dalam pengajaran seni halus. Guru A menceritakan tentang kekerapan dalam pengajaran aktiviti seni halus. Guru B menggunakan pendekatan demonstrasi di dalam kelas sebelum memulakan aktiviti pengajaran seni halus. Guru C mengajar dengan cara memberi kanak-kanak peluang untuk melakukan hasil karya bebas mengikut imaginasi masing-masing dan mengajar beberapa teknik seni halus.

Guru A: *“Selalunya di sekolah ini, dalam dua atau tiga kali seminggu. Kadang-kadang tidak sempat saya buat sekali seminggu sahaja.”*

Guru B: *“Biasanya saya mulakan kelas dengan menunjukkan hasil lukisan dan barang-barang yang nak digunakan. Tapi apa yang kelakarnya, selalunya hasil lukisan kanak-kanak ini akan sama je. Tapi jika saya tak tunjuk mereka tak tahu nak mulakan.”*

Guru C: *“Saya lebih suka kanak-kanak mengeluarkan idea mereka sendiri, jadi saya akan ajar teknik yang saya tahu dalam seni sikit-sikit. Biasanyalah.”*

Seni halus merangkumi aktiviti seni lukisan, catan, arca dan cetakan (Prokopovych et al., 2023; Winfield, 2023). Guru A memberi contoh aktiviti seni halus yang dilakukan di kelas seperti lukisan, catan dan cetakan. Guru B pula melakukan aktiviti seni halus lukisan dan Guru C memberi contoh seni halus lukisan dan arca.

Guru A: *“Saya selalu bagi kanak-kanak melukis bebas, dan juga mewarna guna warna pensel dan warna air. Arca tu main tanah liat boleh ke? Kalau tanah liat saya pernah buat. Masa tu ikut tema tradisional, kanak-kanak buat bentuk baju yang mereka tahu. Kalau cetakan, saya selalunya buat guna jari dan cotton bud kerana saya rasa itu lebih mudah untuk saya.”*

Guru B: *“Saya minat seni ni, tapi saya rasa untuk tahap kanak-kanak saya banyak buat doodle dan aktiviti melukis bebas dahulu, kemudian barulah saya bagi tema.”*

Guru C: *“Saya suka kanak-kanak explore pelbagai perkara, jadi saya buat aktiviti yang macam berbeza sedikit, saya ajak kanak-kanak untuk buat satu projek seni, setiap minggu buat satu idea untuk projek tu, contohnya, saya buat satu ruang khas, kanak-kanak akan simpan hasil lukisan, kraf atau binaan yang mereka buat disitu ikut tema projek tu.”*

Terdapat pelbagai teknik seni yang boleh diintegrasikan ke dalam aktiviti seni halus seperti teknik dalam lukisan iaitu garisan, titik-titik, lorekan atau campuran. Teknik di dalam catan pula seperti impasto, kilatan (*glazing*), sapuan tepat (*hard edge*) atau lembut (*scumbling*). Elemen asas di dalam seni adalah unsur seni prinsip rekaan seni. Menurut Guru A, B dan C mereka tidak pasti telah melakukan teknik seni halus di dalam pengajaran mereka.

Guru A: *“Teknik lukisan bebas pernah buat, unsur seni saya tidak pasti.”*

Guru B: *“Teknik yang macam mana ya? Selalunya saya bagi arahan yang jelas, kemudian mereka ikut sahaja.”*

Guru C: *“Jika teknik tiup straw guna warna air tu boleh ke? Saya pernah buat la tapi tidak tahu pula nama-nama teknik”.*

Kesimpulannya, setiap guru menunjukkan usaha dan kreativiti tersendiri dalam melaksanakan aktiviti seni halus di dalam kelas. Namun begitu, pelaksanaan teknik dan elemen seni halus masih dijalankan secara intuitif tanpa pengetahuan yang jelas terhadap istilah, prinsip atau pendekatan formal dalam pendidikan seni. Ketiga-tiga guru mengakui kekaburan mereka terhadap istilah seperti unsur seni dan teknik khas seperti dalam lukisan dan catan. Hal ini menunjukkan keperluan kepada latihan atau panduan khusus agar pengajaran seni halus dapat dilaksanakan dengan lebih berstruktur, berasaskan pengetahuan sebenar dan mampu menyokong perkembangan kreatif kanak-kanak secara menyeluruh.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai pengetahuan yang kurang jelas mengenai seni halus. Guru masih lagi keliru dengan apakah aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan bagi kandungan seni halus. Pengetahuan ini terbatas kerana tidak mempunyai pengalaman yang lebih mendalam dan berfokus pada asas seni halus. Guru memahami kepentingan seni halus kepada kanak-kanak, namun keterbatasan dari segi pengetahuan dan waktu pelaksanaan aktiviti seni halus menyebabkan aktiviti seni halus yang dilakukan tidak mencapai tahap yang baik.

Kekurangan pengetahuan dalam seni halus dalam kalangan guru TADIKA boleh menghalang perkembangan kreatif awal kanak-kanak. Faktor ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan guru TADIKA tidak dapat latihan profesional dan khusus dalam seni halus, yang mengehadkan keupayaan mereka untuk memperkenalkan konsep asas seni dengan berkesan (Leung, 2024). Tanpa pemahaman unsur dan elemen seni seperti warna, bentuk atau teknik seni halus dengan baik, guru mungkin banyak bergantung pada panduan yang telah direka bentuk bagi peringkat umur yang berbeza dan hanya menjalankan tanggungjawab melakukan aktiviti bersama kanak-kanak tanpa memberi pengetahuan artistik.

Jurang pengetahuan ini juga mempengaruhi cara guru membimbing dan bertindak balas terhadap usaha seni kanak-kanak. Disebabkan kurang keyakinan dalam seni halus, sesetengah pendidik mungkin teragak-agak untuk memberikan maklum balas yang bermakna sedangkan guru perlu memberi maklum balas yang membina terhadap hasil karya kanak-kanak (Saif, 2023). Richards (2007) turut menyatakan bahawa persepsi guru terhadap seni kanak-kanak memainkan peranan besar dalam membentuk keyakinan diri dan minat anak-anak terhadap aktiviti seni, justeru maklum balas guru haruslah bersifat menyokong dan terbuka. Secara tidak sengaja, hal ini telah mengecewakan kanak-kanak. Jika amalan seperti ini berterusan, maka guru mungkin mengemukakan pandangan yang sempit, mengehadkan pendedahan kanak-kanak kepada pelbagai bentuk artistik dan ekspresi kreatif. Menangani isu ini memerlukan penyepaduan pendidikan seni halus ke dalam program latihan guru, melengkapkan guru dengan kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk memupuk potensi seni halus kanak-kanak sepenuhnya.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan dan pengajaran guru terhadap aktiviti seni halus masih belum menyeluruh, khususnya dari segi penguasaan kandungan dan teknik seni yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, adalah disarankan agar guru meningkatkan kesedaran dan usaha ke arah memperkasa kualiti pengajaran seni halus di peringkat TADIKA. Guru-guru dalam kajian ini juga menyatakan keperluan kepada satu panduan khusus berkaitan aktiviti seni halus untuk peringkat prasekolah memandangkan panduan sedia ada lebih menumpu kepada peringkat sekolah rendah dan menengah. Pembinaan panduan ini diyakini dapat memberikan manfaat besar dalam menyokong peningkatan amalan pengajaran

guru, serta memperkukuh perkembangan kreatif dan holistik kanak-kanak melalui pendidikan seni halus yang lebih terancang dan bermakna.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini merumuskan bahawa seni halus mempunyai pelbagai kepentingan dalam perkembangan menyeluruh kanak-kanak, termasuk aspek kognitif, sosio-emosi dan fizikal. Sebagai individu yang memainkan peranan penting dalam pembangunan awal kanak-kanak, guru TADIKA perlu dilengkapi dengan latihan serta ilmu yang menyeluruh berkaitan kandungan dan pedagogi seni halus. Dengan penguasaan kemahiran ini, guru dapat membantu membentuk kanak-kanak yang kreatif dan berinovasi sejak usia prasekolah.

Meskipun pelbagai kajian antarabangsa, seperti yang dilaporkan oleh Menzer (2015), telah membuktikan bahawa kesan positif penglibatan dalam seni terhadap pembelajaran kanak-kanak, namun kajian tempatan yang menumpukan kepada pendidikan seni halus di peringkat prasekolah masih terhad. Justeru, dapatan kajian ini diharap dapat memberi sumbangan bermakna kepada peningkatan kualiti pengajaran guru serta membuka ruang kepada perancangan program latihan yang lebih komprehensif dan kontekstual, khususnya dalam bidang seni halus.

Sebagai sumbangan praktikal, kajian ini mencadangkan pembangunan satu kerangka panduan pembelajaran seni halus prasekolah yang berpaksikan pendekatan perkembangan holistik dan berteraskan teori kreativiti seperti Studio Thinking Framework (Hetland et al., 2007). Rangka awal panduan ini disarankan merangkumi empat domain utama: (i) pengetahuan asas seni halus untuk guru, (ii) strategi pengajaran berfokuskan proses, (iii) aktiviti seni yang bersesuaian mengikut tahap perkembangan kanak-kanak, dan (iv) pemantauan perkembangan kreativiti dan emosi kanak-kanak. Kerangka ini juga boleh dijadikan asas kepada kajian lanjutan untuk membina model intervensi pendidikan seni halus yang lebih menyeluruh dan bersesuaian dengan konteks pendidikan prasekolah di Malaysia.

RUJUKAN

- Andin, C. (2024). Rangsangan Kemahiran Motor Halus dan Kognitif Murid Prasekolah Menggunakan Playdough. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 12(1).
- Andriatno, Yulian & Habiburrahman, Lalu & Hadi, Rusman. (2024). Analysis of the Role of Teachers as Facilitators in Increasing Children's Creativity in Fine Arts Subjects at SDN 1 Senaru. *JISIP (Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan)*. 8. 1778. 10.58258/jisip.v8i3.7143.
- Astawa, I. M. S., & Astuti, N. W. P. (2020, July). Techniques of developing fine motor skill through collage art activities among children aged between 5-6 years in PAUD Mataram City. In *International Conference of Early Childhood Education (ICECE 2019)* (pp. 151-153). Atlantis Press.
- Azizah, I., & Wathon, A. (2022). Implementasi Seni Lipat Kertas Untuk Mengembangkan Kemampuan Motorik Halus Pada Anak Usia Dini. *Sistim Informasi Manajemen*, 5(2), 28-48.
- Biber, K., Cankorur, H., Özçinar, D., & Güngör, B. (2022). Attitudes of preschool teachers towards art education and art activities. *Current research in education*, 25-43. Bil, 9, 57.
- Botirov, J. S., Bakaev, S. S., Avliyakov, M. M., Shirinov, A. L., & Abdullaev, S. S. (2021). The same goes for art classes in private schools specific properties. *The journal of contemporary issues in business and government*, 27(2), 1643-1650.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Bresler, L., & Davidson, J. (1995). Arts and knowledge: A discussion. *Educational Theory*, 45(1), 63-70.
- Butina, M. (1997). O slikarstvu [On painting]. Ljubljana: Debora.

- Coffia Hagood, T. L. (2023). *Knowledge, Skills, and Artistic Attitudes: An Arts Integrated Curriculum Case Study* (Order No. 30694397). Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (2893769755). <https://www.proquest.com/dissertations-theses/knowledge-skills-artistic-attitudes-arts/docview/2893769755/se-2>
- Conway, D. (2019). Benefits of implementing visual arts for elementary school students.
- Coskun, K., Coşkun, M., & Kolomuç, A. (2019). Is Fine-Art Activities Effective in Fostering Social-Emotional Skills On Primary School Children. *Turkish Psychological Counseling and Guidance Journal*, 9(52), 241-259.
- Didek, Z. (1982). Design research. Ljubljana: DDU Univerzum
- Donahue, D. M., & Stuart, J. B. (Eds.). (2024). *Artful Teaching: Integrating the Arts for Understanding Across the Curriculum*, KÐ8. Teachers College Press.
- Duh, M., & Logar, V. (2016). The Importance Of Best Practice In Teaching For Developing Fine Arts Skills Amongst Primary School Children. *Life & School: a Magazine for the Theory and Practice of Education/Život i škola: časopis za teoriju i praksu odgoja i obrazovanja*, 62(3).
- Eisner, E. W. (2003). The arts and the creation of mind. *Language arts*, 80(5), 340-344.
- Garvis, S. (2012). Exploring current arts practice in kindergartens and preparatory classrooms. *Australasian Journal of Early Childhood*, 37(4), 86–93.
- Hasan Langgulung. 1997. *Kreativiti & Pendidikan : Suatu Kajian Psikologi & Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hetland, L., Winner, E., Veenema, S., & Sheridan, K. M. (2007). *Studio thinking: The real benefits of visual arts education*. Teachers College Press.
- Huang, L., Leung, S. K., Li, J. W., & Wu, Z. (2024). How Does Comprehensive Art Education Facilitate Children's Creativity? A Mixed-Methods Study in China. *Early Education and Development*, 1-17.
- Khadija, Samira & Extension, Kiu Publication. (2024). *The Role of Arts in Education: Enhancing Creativity and Critical Thinking*. 3. 66-70.
- KhairEddeen, Lamia & Hamadneh, Burhan. (2023). The Role of Art Education Teachers in Developing Arts-based Environmental Education among Elementary School Students in Najran Region. *Journal of Namibian Studies : History Politics Culture*. 34. 2280-2300. 10.59670/jns.v34i.1504.
- Lai, Pi-Hui (2000). Kindergarten teachers beliefs and attitudes about developmentally appropriate practice art practice in Taiwan. *Working Papers in Art Education: Vol 2000, Article 3*. Retrieved from <https://doi.org/10.17077/2326-7070.1360>
- Leung, S. K. Y. (2018). An exploratory study of early visual arts education in two Hong Kong kindergartens. *Journal of Research in Childhood Education*, 32(4), 392–403.
- Leung, S. K., Wu, J., & Ho, T. H. (2024). Early Childhood Visual Arts Education: Teachers' Content Knowledge, Pedagogical Content Knowledge, and Challenges. *The Asia-Pacific Education Researcher*, 1-13.
- Lindsay, G. (2021). Visual arts pedagogy in early childhood contexts: The baggage of self-efficacy beliefs, pedagogical knowledge and limited pre-service training. *Australasian Journal of Early Childhood*, 46(1), 80–92.
- McLennan, D. (2010). Process or Product? The Argument for Aesthetic Exploration in the Early Years. *Early Childhood Education Journal*. 38. 81-85. 10.1007/s10643-010-0411-3.
- Menzer, M. (2015). The arts in early childhood: Social and emotional benefits of arts participation. NEA Office of Research & Analysis
- Nevanen, S., Juvonen, A., & Ruismäki, H. (2014). Kindergarten and school as a learning environment for art. *International Journal of Education Through Art*, 10(1), 7-22.
- Ningsih, E. P. (2024). Early Childhood Fine Art Learning. *Journal of Gemilang*, 1(1).
- Nor, R. M., Yusoff, N. M. R. N., & Haron, H. (2019). Pengetahuan pedagogi ilmu kandungan dalam kalangan guru seni visual sekolah menengah di Hulu Langat. *Journal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 137-150.
- Ozturk, M. S., & Ozturk, M. U. (2023). Investigation of the Relationship between Creative Personality Traits and Internet Usage of Fine Arts Faculty Students. *International Journal of Education in Mathematics, Science and Technology*, 12(2), 513–531. <https://doi.org/10.46328/ijemst.3999>
- Parsons, R. W. (2009). *Arts educators' perceptions regarding decreased administrative support for public school arts education: a phenomenological study*. (Publication No. 3394310). [Doctoral Dissertation, University of Phoenix]. ProQuest Dissertations & Theses Global.
- Prokopovych, T., Tarasiuk, I., Zinko, D., Panfilova, O., Berlach, O., & Vilgushynskyi, R. (2023). Features Of Fine Arts Of The Early 21st Century: Painting, Drawing, Sculpture. *Ad Alta*, 13(1. Special Issue XXXIV).
- Qiqi, Z., & Waijitragum, P. (2024). Research On The Emotional Expression Of Characters In Painting Creation. In *International Academic Multidisciplinary Research Conference In Paris 2024* (pp. 216-223).
- Ray, K., & Smith, M. C. (2010). The kindergarten child: What teachers and administrators need to know to promote academic success in all children. *Early Childhood Education Journal*, 38, 5-18.
- Richards, R. (2007). Outdated relics on hallowed ground: Unearthing attitudes and beliefs about young children's art. *Australian Journal of Early Childhood*, 32(4), 22-30.

- Sabol, R. (2011). The importance of providing quality art education for all students. *National The Benefits of Implementing Visual Arts for Elementary School Students*
- Saif, M. (2023). Art Education and Students' Perception of Fine Art Teachers. *Al-Qamar*. 147-164. 10.53762/alqamar.06.04.e10.
- Sheridan, K. M., Veenema, S., Winner, E., & Hetland, L. (2022). *Studio thinking 3: The real benefits of visual arts education*. Teachers College Press.
- Torrance, E.P. 1988. The nature of creativity as manifest in its testing. In R. J. Sternberg (Ed.), *The Nature of Creativity: Contemporary Psychological Perspectives* (pp. 43-75). Cambridge University Press.
- Tubbsam, S., Farooq, U., Zahir, M., Nasimi, R. A., Tariq, J., Ameen, B., & Manzoor, Y. (2024). Effect Of Arts Education On Cognitive Development And Academic Performance. *Social Science Review Archives*, 2(2), 217-231. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wang, X. C., Benson, K., Eggleston, C., & Lin, B. (2019). A guided, exploration-based visual arts program for preschoolers. *Young Children*, 74(1), 72–82.
- Winfield, R. D. (2023). Painting as Paradigmatic Graphic Fine Art. In *Rethinking the Arts after Hegel: From Architecture to Motion Pictures* (pp. 117-142). Cham: Springer Nature Switzerland.
- Winner, E., Goldstein, T. R., & Vincent-Lancrin, S. (2013). Art for art's sake. *The impact of arts education*.
- Winner, E., Hetland, L., Veenema, S., Sheridan, K., & Palmer, P. (2020). Studio thinking: How visual arts teaching can promote disciplined habits of mind. In *New directions in aesthetics, creativity and the arts* (pp. 189-206). Routledge.
- Wright, S. (2007). Young children's meaning-making through drawing and 'telling': Analogies to filmic textual features. *Australian Journal of Early Education*, 32(4), 37-48
- Yang, Y., & Heong, Y. M. (2024). The Significance of Developing Advanced Higher Order Thinking Skills in China's Arts Education. *Journal of TVET and Technology Review*, 2(1), 28-37.
- Yatim, N. A. M., Peng, C. F., & Abdullah, Z. (2020). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (The Level of Pedagogical Content Knowledge of Malay Language Teachers in Primary School). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 43-53.
- Yeboah, R., & Godomey, B. S. (2024). Supporting kindergarten pupils with developmentally appropriate activities through process art: Ghanaian teachers' practices. *International Journal of education through art*, 20(2), 149-165.
- Zahro, F., Wisudaningsih, E. T., & Purnamasari, D. A. F. (2024). The Application of Finger Painting Games to Children's Fine Motor Development in Kb Nurul Barokah, Wangkal Village, Gading District, Probolinggo District. *Jurnal Indonesia Sosial Sains*, 5(04), 811-824.
- Zautra, A. J., Arewasikporn, A., & Davis, M. C. (2010). Resilience: Promoting well-being through recovery, sustainability, and growth. *Research in Human Development*, 7(3), 221-238.
- Zhang, X. (2019, April). Analysis on the Strategies for Cultivating Kindergarten Teachers' Art Education Skills. In *3rd International Conference on Culture, Education and Economic Development of Modern Society (ICCESE 2019)* (pp. 1386-1389). Atlantis Press.